

Rujukan Iklan	:	Bilangan 8 Tahun 2019
Tarikh Siaran	:	10 Oktober hingga 23 Oktober 2019

### IKLAN JAWATAN

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 (Akta 748) dan merupakan salah satu agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang yang berkaitan (rujuk jadual di bawah) dan mempunyai ciri-ciri pekerja 'multi-tasking' serta berkeupayaan bekerja dalam satu pasukan dengan pengawasan minimum.

**JAWATAN & GRED** : **PEGAWAI TADBIR GRED N41**

**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

**BIL. KEKOSONGAN** : **SATU (1)**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**JADUAL GAJI DAN KADAR KENAIKAN TAHUNAN (KGT)** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KGT
RM2,080.00	RM9,546.00	RM225.00

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
  - i. Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan: RM2,080.00 ]; atau
  - ii. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan: RM2,283.43 ].

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**RINGKASAN TUGAS** :

- Merancang, mengubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, latihan dan pembangunan sumber manusia serta pentadbiran.
- Membantu mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian aplikasi komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian maklumat bersesuaian dengan kegunaan di Unit Pengurusan Sumber Manusia.

1. Pemohon hendaklah mengisi borang **Permohonan Jawatan Kosong MIROS** yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang [www.miros.gov.my](http://www.miros.gov.my).
2. Sila sertakan bersama dokumen dan salinan sijil seperti berikut:
  - (a) Resume lengkap dan senarai tugas terkini (jika bekerja);
  - (b) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;
  - (c) Sijil Kelulusan Persekolahan: SPM/SPM(V)/STPM dan Sijil yang membuktikan kelulusan Bahasa Melayu setaraf kelulusan SPM (jika berkenaan);
  - (d) Ijazah/Diploma dan transkrip/surat pengesahan kelulusan peperiksaan akhir dari pusat-pusat pengajian tinggi;
  - (e) Sijil-sijil lain yang ada berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Malaysian University English Test (MUET), sijil pendaftaran penuh dengan lembaga ikhtisas atau kelulusan-kelulusan lain;
3. Salinan sijil-sijil penghargaan/penyertaan kegiatan luar atau ko-kurikulum TIDAK PERLU disertakan semasa permohonan. Pemohon hanya perlu mengemukakan sijil-sijil berkenaan apabila telah disenarai pendek untuk menghadiri sesi temu duga.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos atau serahan tangan sahaja ke alamat:

**Urus Setia Pengambilan  
Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia,  
Lot 135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral,  
43000 Kajang, Selangor**
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **23 Oktober 2019 (Rabu) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan.
6. Hanya calon-calon yang melepasi tapisan dan disenarai pendek untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan sama ada melalui telefon, emel atau surat panggilan temu duga. Sekiranya tiada sebarang maklum balas diterima daripada pihak MIROS selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan hendaklah dianggap TIDAK BERJAYA.